

### AN ANALYSIS ON THE ZAKAT DISTRIBUTION AT LEMBAGA ZAKAT SELANGOR DURING THE COVID-19 PANDEMIC

#### ANALISIS AGIHAN ZAKAT DI LEMBAGA ZAKAT SELANGOR SEMASA PANDEMIK COVID-19

Nurfitriyah Salihah Shaharin<sup>1</sup>, Azri Bhari<sup>2</sup>, Mohd Faiz Mohamed Yusof<sup>3</sup> & Mohd Ashrof Zaki Yaakob<sup>4</sup>

<sup>1</sup> (*Corresponding author*). Calon Sarjana, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM). fitriyahuitm@gmail.com

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM). azrib178@uitm.edu.my

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM). faizyusof@uitm.edu.my

<sup>4</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM). ashrof@uitm.edu.my

**Vol. 11. No. 1**  
**August Issue**  
**2021**

#### **Abstract**

*Lembaga Zakat Selangor is a zakat institution that is responsible for the collection and distribution of zakat in Selangor. The COVID-19 pandemic transmission crisis has caused economic imbalances as many individuals lost their source of income, were laid off, and businesses were found to decline causing household income to be unstable. Thus, the Zakat Institution has come forward earlier by taking proactive measures in providing zakat assistance to individuals affected by the COVID-19 pandemic. This study aims to analyze and evaluate the effectiveness of the zakat distribution during the COVID-19 pandemic. This study uses a qualitative approach based on library review. The findings of the study show that individuals who are eligible to receive zakat are increasing due to the pandemic. Therefore, LZS has distributed assistance to people in need with a set amount along and the number of recipients. The study also lists the types of contributions along with the amount of aid money distributed during the COVID-19 pandemic.*

Keywords: Zakat, COVID-19, Pandemic, Economic, Poverty.

#### **Abstrak**

*Lembaga Zakat Selangor merupakan institusi zakat yang bertanggungjawab dalam urusan kutipan dan agihan zakat di Selangor. Krisis penularan pandemik COVID-19 telah menyebabkan ketidakseimbangan ekonomi apabila ramai individu hilang punca pendapatan, diberhentikan kerja, dan perniagaan didapati merosot sehingga menyebabkan pendapatan isi rumah tidak stabil. Justeru, Institusi Zakat telah tampil lebih awal dengan mengambil langkah-langkah proaktif dalam memberikan bantuan zakat kepada individu-individu yang terjejas akibat pandemik COVID -19. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan menilai keberkesanan agihan zakat semasa pandemik COVID-19. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berasaskan tinjauan kepustakaan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa*

*individu yang layak menerima zakat semakin meningkat ekoran pandemik yang berlaku. Lantaran itu, Lembaga Zakat Selangor telah mengagihkan bantuan kepada orang yang memerlukan dengan jumlah yang ditetapkan beserta jumlah penerima. Kajian ini juga menyenaraikan jenis sumbangan beserta jumlah wang bantuan yang diagihkan semasa pandemic COVID-19.*

*Kata kunci: Zakat, COVID-19, Pandemic, Ekonomi, Kemiskinan.*

## PENDAHULUAN

Islam adalah agama yang membawa satu cara hidup yang lengkap dan menyeluruh kepada kehidupan manusia bermula daripada sekecil-kecil perkara sehingga sebesar-besar perkara seperti kenegaraan dan pemerintahan, sosial, pendidikan, kesihatan, kesenian, kebudayaan, pembangunan, ekonomi, bahasa dan sebagainya.

Kesyumulan agama Islam dapat dilihat dalam aspek penting iaitu pegangan aqidah yang benar melalui keimanan kepada Allah SWT, pembentukan akhlak yang mulia dari segi hubungan perhambaan antara manusia dengan tuhan, manusia sesama manusia serta hubungan manusia terhadap haiwan dan alam sekitar.

Seterusnya, kesempurnaan Islam dalam aspek syariah pula adalah undang-undang yang ditetapkan oleh Allah SWT untuk hamba-Nya yang berkaitan dengan ibadah, muamalah serta sistem atau peraturan hidup untuk manusia dalam pelbagai aspek demi memenuhi keperluan asas dan kemaslahatan manusia itu sendiri. Syariat Islam membolehkan manusia menzahirkan ketaatan dalam melaksanakan segala perintah dan larangan Allah SWT pada setiap masa dan tempat demi mencapai kebahagiaan hidup dunia dan akhirat.

Menurut Zulkifli (2017), pensyariatkan zakat merupakan antara kriteria yang disyariatkan oleh Allah SWT untuk membentuk peribadi manusia demi memenuhi tuntutan kebahagiaan dalam sesebuah masyarakat. Jika diteliti, fungsi zakat adalah untuk mengawal penambahan pendapatan seseorang individu agar tidak melebihi batas keadilan dan ketidaksamaan sesama manusia. Ini supaya pendapatan tersebut

dapat digunakan bagi memenuhi kebutuhan asas diri dan manusia lain keseluruhannya. Jelaslah di sini bahawa, amalan berzakat adalah satu cara yang dapat membersihkan diri individu daripada sifat bakhil, zalim, mementingkan diri dan seumpamanya.

Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

﴿حُذِّ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا﴾

*Maksudnya, "Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau dapat membersihkan mereka (dari dosa) dan menyucikan mereka (dari akhlak yang buruk)."*

Zakat merupakan rukun Islam ketiga yang paling penting. Dari sudut bahasa, zakat berasal daripada kalimah (الزكاة) yang diambil daripada kalimah (زكا الشيء) bermaksud berkembang dan subur. Dari segi istilah, zakat ialah kadar tertentu yang diambil daripada sebahagian harta tertentu dan diagihkan kepada golongan tertentu berdasarkan syarat-syarat tertentu.

Di Malaysia, institusi zakat terletak di bawah bidang kuasa negeri. Bagi melaksanakan pungutan zakat tersebut, kerajaan-kerajaan negeri telah mewujudkan undang-undang, peraturan serta kaedah tertentu. Sama ada secara langsung melalui pihak berwajib atau melalui agen yang dilantik khusus bagi tujuan pungutan berkenaan (Mahmood et al. 2016).

Lembaga Zakat Selangor merupakan institusi yang begitu sinonim dengan pengurusan zakat di Selangor. Penaung tertingginya adalah Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Dulu dikenali sebagai Pusat Pungutan Zakat MAIS (PPZ MAIS) dan kemudian dinaiktaraf kepada

Lembaga Zakat Selangor (LZS) di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952. LZS ini dipertanggungjawabkan untuk membuat aktiviti kutipan dan agihan zakat di negeri Selangor.

Perkembangan semasa terutamanya aspek kutipan zakat oleh institusi zakat di Malaysia adalah amat memberangsangkan. Jumlah kutipan zakat di Malaysia telah meningkat dengan drastik di Malaysia. Jumlah kutipan zakat di setiap negeri turut menunjukkan peningkatan dari setahun ke setahun (Hairunnizam, Sanep & Radiah, 2009).

Jumlah kutipan zakat keseluruhan pada tahun 2019 bagi Wilayah Persekutuan telah meningkat RM 688.4 juta berbanding RM 657.4 juta pada tahun 2018. Begitu juga bagi negeri Kelantan telah meningkat kepada RM 195.1 juta berbanding RM 183 juta pada tahun sebelumnya (JAWHAR, 2020). Peningkatan yang memberangsangkan ini dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya prestasi pengurusan kewangan oleh sesebuah institusi MAIN serta aktiviti penswastaaan dan pengkorporatan dan seumpamanya (Hairunnizam et al. 2017).

Walaupun prestasi laporan tahunan institusi zakat menunjukkan prestasi kutipan dan agihan yang memberangsangkan, masalah kemiskinan dilihat masih lagi berlaku. Pelaksanaan program pembangunan ekonomi yang dirangka oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) khusus buat golongan asnaf menceburkan diri dalam bidang keusahawanan dilihat mempunyai cabaran tersendiri dalam mengeluarkan asnaf daripada golongan penerima zakat.

Antaranya adalah kurang komitmen dan sokongan daripada golongan asnaf sendiri khususnya fakir dan miskin untuk melibatkan diri dalam program ekonomi ini. Sebahagian mereka lebih selesa menerimabantuan kewangan berkala dalam jangka pendek dan kurang berminat serta keyakinan diri untuk keluar daripada belenggu kemiskinan (Khairul & Ummi, 2019).

Ini menyebabkan masih banyak tanggungjawab dan usaha yang perlu dilakukan oleh pihak zakat sendiri

ditambah lagi dengan pandemik COVID-19 yang melanda dunia turut menambah masalah kemiskinan sedia ada menjadi lebih parah.

Dalam situasi wabak COVID-19 ini, terdapat sebilangan rakyat yang terjejas sumber pendapatan mereka khususnya mereka yang tidak mempunyai pendapatan tetap, golongan peniaga kecil, penjaja dan lain-lain. Keadaan ini juga menjadi semakin buruk bagi golongan rentan (*vulnerable*) iaitu mereka yang sememangnya sudah hidup dalam kesusahan.

Golongan sebegini termasuklah golongan fakir dan miskin, orang-orang gelandangan, pelarian yang berada di negara ini seperti Muslim Rohingya, serta warga yang tidak mempunyai dokumentasi pengenalan diri. Situasi ini menunjukkan bahawa bantuan kewangan dalam situasi mendesak amat penting bagi golongan terkesan.

Nor Shamsiah (2020) berpendapat bahawa di tengah PKP yang sedang berlangsung, kadar pengangguran kemungkinan akan meningkat sebanyak 4 peratus. Ini adalah rentetan daripada beberapa sektor ekonomi yang terjejas dan terpaksa gulung tikar atau menutup perniagaan. Keadaan ini sekaligus mewujudkan fenomena kemiskinan baharu (Hamizul, 2020).

Menurut Wan Ahmad Amir Zal (2020) kemiskinan baharu kesan daripada pandemik COVID-19 ini dikenali sebagai kemiskinan situasi atau "*situational poverty*". Kemiskinan ini berlaku disebabkan keadaan atau peristiwa luar jangka dan mengakibatkan seorang individu kehilangan atau mengalami kekurangan sumber pendapatan sama ada disebabkan kehilangan pekerjaan, kematian ketua isi keluarga, perceraian, ditimpa kemalangan atau sakit kronik.

Justeru, sekiranya kemiskinan ini dibiarkan tidak terkawal, maka ia boleh mencetuskan pelbagai kesan sosial dan menjadi punca kepada jenayah kekerasan, rompakan, ragut, malah berkemungkinan boleh membawa kepada berlakunya rusuhan dan kekacauan (Hamizul, 2020).

Oleh itu, pemerintah

bertanggungjawab memastikan keperluan-keperluan asas setiap individu di negara ini dipenuhi. Dalam hal ini, peranan zakat juga tidak kurang pentingnya dalam membantu pemerintah memelihara keperluan umat Islam yang terjejas semasa pandemik terutamanya keperluan paling asas iaitu *dharuriyyat*.

Berdasarkan perbincangan di atas terdapat beberapa objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini. Pertamanya, bagaimana pandemik COVID-19 memberi kesan terhadap peningkatan asnaf fakir miskin. Keduaanya, menganalisis agihan zakat kepada asnaf fakir miskin semasa pandemik COVID-19.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Pengumpulan data dilakukan secara dokumentasi dan kajian kepustakaan bagi mendapatkan maklumat berkaitan agihan zakat di Lembaga Zakat Selangor semasa pandemik COVID-19. Data diperoleh melalui analisis dokumen-dokumen serta laporan-laporan agihan zakat di LZS bagi mendapatkan maklumat berkaitan agihan dan jenis-jenis bantuan di LZS.

Seterusnya, kajian kepustakaan pula menggunakan sumber sekunder sebagai rujukan antaranya buku, artikel jurnal, kertas kerja yang dihasilkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu, laman sesawang dan lain-lain. Pengumpulan data yang dilakukan melalui analisis dokumen dapat memberikan maklumat yang relevan kepada isu dan masalah yang dikaji.

### **SOROTAN LITERATUR**

Banyak kajian agihan zakat yang telah dilakukan di Malaysia antaranya menurut Mohamad Sabri Haron & Riki Rahman (2016), pembahagian agihan zakat dibahagikan kepada dua golongan iaitu penerima zakat produktif dan tidak produktif.

Golongan produktif merupakan penerima penerima agihan yang mampu berusaha memperbaiki taraf hidup, manakala golongan tidak produktif tidak upaya untuk memperbaiki taraf hidup disebabkan usia yang lanjut, masalah

kesihatan, kecacatan dan lain-lain. Menurut beliau lagi, agihan bantuan zakat yang diberikan mestilah mengikut keperluan asnaf semasa. Keperluan asnaf ini adalah hasil kajian yang dilakukan oleh institusi zakat.

Menurut Dziauddin Sharif et. al (2020), semasa berlaku pandemik COVID-19, kesemua 13 institusi zakat di Malaysia telah memainkan peranan aktif dalam memberi sumbangan berjumlah hampir RM100 juta kepada golongan terjejas akibat pandemik ini dalam pelbagai bentuk sumbangan dan golongan sasaran.

Kajian yang dilakukan oleh Mohd Faisol Ibrahim (2020) telah menyatakan bahawa wujud beberapa tabung khas yang dibangunkan oleh institusi zakat sendiri bagi membantu masyarakat yang terjejas dengan wabak COVID-19 ini. Tabung khas yang diwujudkan adalah untuk menampung jumlah agihan yang semakin tinggi dengan tempoh masa PKP yang dilanjutkan dari semasa ke semasa.

Di Wilayah Persekutuan, Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) antara institusi zakat yang telah mengagihkan bantuan kecemasan kepada mereka yang terjejas pendapatan semasa penularan pandemik COVID-19. Bantuan ini bertujuan mengurangkan beban mereka yang terjejas semasa perintah kawalan pergerakan (PKP) khususnya individu yang pendapatannya terjejas, golongan penjaja atau peniaga kecil dan golongan B40.

Bentuk bantuan khas terdiri daripada bantuan kewangan bulanan, bantuan zakat khas tambahan, bantuan peralatan pernafasan kepada 7 buah hospital, bantuan makanan harian sepanjang tempoh PKP dan bantuan bantal dan tilam untuk orang gelandangan. Keseluruhan jumlah peruntukan bantuan khas adalah sebanyak RM 25.11 juta.

Sementara itu, Wafdi Mohamed (2020) menjelaskan di Pulau Pinang pemberian bantuan khas terbahagi kepada 2 fasa golongan sasaran yang berjumlah 19 juta. Fasa 1: bantuan diberikan kepada golongan asnaf fakir dan miskin dan fasa 2: bantuan diberikan kepada golongan asnaf seperti pemandu

teks, pemandu e-hailing, pekerja yang bergaji harian, dan guru-guru agama serta guru tahfiz yang terjejas pendapatan. Bantuan kecemasan kariah difokuskan kepada mereka yang terputus makanan semasa krisis pandemik.

Di Negeri Sembilan, jumlah peruntukan dana bantuan khas adalah sebanyak RM 4.3 juta. Bantuan diagihkan kepada mereka yang dikuarantin di rumah, bantuan segera asnaf fakir dan miskin, petugas barisan hadapan, dan masjid serta surau-surau negeri dan individu yang terjejas pendapatan. Agihan bantuan pula diberikan dalam bentuk baucer, tunai, kredit ke akaun pemohon dan pemberian pek makanan asas.

Secara keseluruhannya, kebanyakan institusi-institusi zakat di Malaysia telah mengambil langkah pantas dan proaktif dalam mengagihkan bantuan kepada golongan yang terkesan. Ini menunjukkan bahawa institusi zakat komited dalam membendung dan membantu golongan yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

### **KESAN COVID-19 TERHADAP PENINGKATAN ASNAF FAKIR MISKIN DI SELANGOR**

Penularan COVID-19 memberi kesan yang begitu menyeluruh kepada kehidupan masyarakat. Bukan sahaja kesan dari aspek kesihatan, pendidikan tetapi juga kesan kepada ekonomi isi rumah. Tempas dirasai apabila ada isi rumah yang kehilangan sumber pendapatan dan jatuh miskin akibat hilang pekerjaan dan dipotong gaji oleh majikan.

Rentetan daripada situasi tersebut, Lembaga Zakat Selangor (LZS) meramalkan akan berlaku peningkatan sebanyak 10,000 asnaf fakir, miskin dan muafiq hingga hujung tahun ini akibat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Jangkaan peningkatan ini akan menyebabkan golongan asnaf, fakir, miskin sedia ada bergantung penuh dengan bantuan daripada zakat.

Kebergantungan ini berlaku disebabkan golongan tersebut hilang sumber pendapatan semasa PKP (Nuradli, 2020).

Oleh itu, melihat kepada situasi

tersebut, impak pandemik terhadap ekonomi sudah tentu memberi kesan mendalam kepada kehidupan golongan asnaf. Penutupan beberapa sektor perniagaan serta kadar pengangguran menyumbang kepada kemerosotan ekonomi bagi golongan isi rumah di peringkat bawahan.

Menurut kajian yang dilakukan oleh UNICEF terhadap isi rumah di PPR, didapati sebahagian besar isi rumah terjejas teruk akibat ketiadaan sumber kewangan. Ini kerana sebahagian besarnya telah kehilangan pekerjaan, dikurangkan waktu bekerja, diberi separuh gaji, dan bagi yang bekerja sendiri tidak dapat menjalankan operasi perniagaan seperti biasa.

Dalam kajian tersebut, didapati golongan yang terjejas bukan sahaja isi rumah yang berpendapatan bawah RM 4,999 malah isi rumah berpendapatan RM 5,000 ke atas turut terjejas namun peratusannya amat kecil.

Malah, golongan asnaf juga turut terkesan dari sudut pendidikan. Penutupan sekolah semasa PKP misalnya telah mengakibatkan pembangunan pendidikan anak-anak asnaf dan golongan B40 terbantut. Kekangan untuk mengakses maklumat pendidikan menggunakan teknologi mengakibatkan anak-anak B40 terus ketinggalan dalam arus perkembangan pendidikan terutamanya mereka yang tinggal di luar bandar. Ini sekaligus menyukarkan anak-anak B40 untuk menyiapkan kerja sekolah disebabkan kekurangan untuk mengakses internet dan teknologi.

Menurut (Hasnah, 2020) sepanjang tempoh kawalan pergerakan, masalah kewangan memberi kesan kepada pembelajaran pelajar. Hal ini kerana, pelajar perlu mengeluarkan perbelanjaan yang banyak untuk membeli data internet bagi mengikuti kelas atas talian.

Selain itu, pembukaan semula sekolah selepas tempoh PKP berakhir mengakibatkan sebilangan besar ketua isi rumah perempuan menghadapi kesukaran untuk menampung perbelanjaan tambahan iaitu menyediakan topeng muka untuk anak-

anak mereka kembali ke sekolah (UNICEF & UNFPA, 2020).

Kesan lain turut menyumbang kepada peningkatan masalah kesihatan mental. Pandemik COVID-19 bukan sahaja memberi kesan kepada individu yang disahkan positif COVID-19, orang awam juga turut terkesan dari aspek kesejahteraan kesihatan dan emosi mereka.

Keterbatasan semasa perintah kawalan pergerakan telah mewujudkan tekanan, keresahan dan kemurungan dalam kalangan masyarakat. Sekiranya tekanan yang dialami gagal diuruskan ia akan menjejaskan sistem imunisasi tubuh untuk melawan jangkitan penyakit (Eikhwan & Mahirah, 2020).

Dalam hal ini, didapati 1 daripada 3 ketua isi rumah wanita yang menetap di PPR dilaporkan tertekan. Kebanyakan mereka merasa takut, bimbang, cemas terhadap kesejahteraan hidup anak-anak dan ibu bapa mereka serta tekanan kewangan dan keadaan ekonomi keluarga yang tidak menentu. Ini disebabkan mereka adalah golongan rentan yang berisiko mengalami kejutan ekonomi (UNICEF & UNFPA, 2020).

Justeru, pandemik COVID-19 ini sedikit sebanyak telah menjejaskan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat. Ia merangkumi kesan terhadap ekonomi, pendidikan dan kesihatan atau psikososial.

Secara umumnya, golongan rentan ekonomi seperti ketua isi rumah wanita dan kanak-kanak adalah kumpulan yang berisiko terjejas semasa penularan COVID-19. Oleh itu, perlunya kepada bantuan segera yang membolehkan golongan terjejas ini meneruskan kelangsungan hidup mereka semasa pandemik.

#### **ANALISIS AGIHAN ZAKAT ASNAF FAKIR MISKIN DI SELANGOR**

Dalam melaksanakan agihan zakat, Lembaga Zakat Selangor (LZS) sentiasa berusaha menangani kemiskinan dalam kalangan asnaf fakir dan miskin dengan memberi penekanan kepada tiga objektif utama, iaitu mengurangkan kadar kemiskinan, mengeluarkan mereka dari

belunggu kemiskinan dan mendidik mereka untuk berdikari.

Oleh sebab itu, Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah mengambil langkah drastik dengan membuat pengstrukturian baru bentuk agihan zakat semasa COVID-19. Dalam konteks ini, LZS telah mengambil kira agihan bantuan kepada asnaf atau umat Islam yang terjejas semasa pandemik ini mendapat hak bantuan yang paling minimum iaitu keperluan asas atau keperluan *dharuriyyat*.

Keperluan asasi merupakan keperluan terpenting yang mesti dipenuhi bagi menghadapi suatu tempoh tidak menentu ini. Sekiranya ia tidak dipenuhi maka akan timbul kemudaratan yang besar kepada kesejahteraan hidup manusia semasa menghadapi situasi yang kritikal.


Selain itu, zakat merupakan suatu yang unik kerana ia merupakan instrumen semula jadi yang membantu menyeimbangkan pendapatan negara melalui pengagihan pendapatan daripada golongan kaya kepada kumpulan miskin (Zarina et al. 2012). Dalam situasi pandemik ini, perkara penting yang perlu diberi perhatian adalah pengagihan bantuan zakat segera semasa COVID-19 ini.

Merujuk kepada laporan prestasi kutipan dan agihan COVID-19 oleh Lembaga Zakat Selangor (2020), pengkaji mendapati terdapat beberapa perubahan dan pertimbangan yang telah diambil kira oleh LZS sendiri berhubung dengan pemberian beberapa jenis bantuan zakat semasa Covid-19. Sebelum berlakunya penularan COVID-19, pemberian bantuan zakat difokuskan kepada dua kategori asnaf iaitu asnaf *muqaddam* (utama) dan asnaf *muakkhar*.

Kedua-dua ketegori asnaf ini merangkumi 8 golongan asnaf yang utama iaitu fakir, miskin, muallaf, amil, *gharimin*, *riqab*, *fisabilillah* dan *ibnu sabil*. Kini, keutamaan mulai berubah yang mana pemberian bantuan zakat ini dikhususkan kepada asnaf *muqaddam* (utama) yang terdiri daripada fakir, miskin dan muallaf.

Pandemik COVID-19 ini telah memberi kesan kepada kutipan zakat di

Selangor sebanyak 0.1 peratus iaitu dari RM 253.1 juta pada tahun 2019 kepada RM 252.7 juta pada tahun 2020. Akan tetapi kesan terhadap jumlah kutipan dan agihan bulanan zakat tidak menunjukkan kesan ketara dari aspek pengurangan bilangan pembayar zakat dan pertambahan bilangan asnaf yang menerima agihan zakat sebelum dan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). (Lihat rajah 1)



Sumber: Lembaga Zakat Selangor, 2020.

Seterusnya adalah perbandingan bentuk agihan bantuan zakat sebelum dan semasa pandemik COVID-19 di LZS. Maklumat lanjut tentang jenis-jenis bentuk bantuan agihan adalah seperti berikut: (lihat Jadual 1).

**Jadual 1: Perbandingan Keutamaan Agihan Zakat**

Sebelum Covid-19	
1.	Bantuan bina, baik pulih dan sewa rumah.
2.	Bantuan bina, baik pulih & sewa rumah.
3.	Bantuan keperluan, pendidikan dan yuran.
4.	Perubatan.
5.	Elaun guru KAFA, guru agama dan penceramah.
6.	Pendidikan.
7.	Bantuan peralatan masjid serta sumbangan baik pulih institusi semasa Covid-19.
<hr/>	
1.	Bantuan kewangan bulanan.
2.	Bantuan ramadan.
3.	Bantuan sewa rumah.

4. Bantuan khas covid.
5. Bantuan makanan bulanan.
6. Bantuan kecemasan.
7. Bantuan peralatan.
8. Bantuan makanan pelajar IPT dan pusat jagaan.

Sumber: Lembaga Zakat Selangor, 2020.

Berdasarkan jadual 1 jelas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan jenis bantuan yang diagihkan oleh pihak LZS sebelum dan semasa pandemik berlaku. Jika dilihat jenis bantuan yang diagihkan semasa pandemik adalah bersasar kepada asnaf yang memerlukan bantuan kritikal semasa pandemik COVID-19 seperti bantuan kewangan bulanan, makanan, perubatan serta bantuan sewa rumah. Agihan bantuan ini melibatkan asnaf fakir miskin yang berdaftar. (Lihat Jadual 2).

**Jadual 2: Pecahan Keutamaan Agihan Zakat Fakir Miskin bagi Tempoh Mac-Mei 2020**

Bantuan	Fakir (orang)	Miskin (orang)	Jumlah (RM)/Juta
Bantuan kewangan bulanan	12,719	19,397	44.3
Bantuan Ramadan	15,136	41,831	27.8
Bantuan sewa rumah	3,663	8,303	17.8
Bantuan makanan bulanan	5,782	9,060	2.2
Bantuan kecemasan	1,278	4,618	2.2

Sumber: Lembaga Zakat Selangor, 2020.

Bantuan Khas COVID pula diberikan kepada golongan yang terjejas semasa PKP. golongan B40 yang terjejas sumber pendapatan, petugas barisan hadapan dan pelajar IPT, hospital-hospital yang menangani COVID-19 dan golongan peniaga atau penjaja kecil. Bentuk bantuan khas ini melibatkan pembelian Personal Protection Equipment (PPE) kepada hospital serta makanan kepada petugas barisan hadapan dan bantuan makanan

kepada pelajar IPT yang disalurkan melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar atau pengurusan IPT.

Di samping itu, terdapat beberapa bantuan sebelum pandemik ditangguhkan sementara seperti bantuan bina baik pulih rumah dan bantuan peralatan masjid semasa pandemik COVID-19. Oleh itu jelaslah bahawa peranan zakat menjaga keperluan dharuriyyat semasa pandemik COVID-19 adalah seiring dengan matlamat Maqasid Syariah iaitu memelihara agama, akal, nyawa, harta dan keturunan daripada binasa.

### **PENUTUP**

Impak penularan COVID-19 telah memberi cabaran baru kepada institusi zakat Selangor. Beberapa sektor ekonomi yang terjejas akibat pandemik COVID-19 telah memberi kejutan kepada peningkatan golongan asnaf sedia ada dan kewujudan golongan asnaf baru. Keadaan ini telah menyedarkan pihak institusi zakat tentang kepentingan menyalurkan bantuan segera kepada golongan asnaf yang terkesan semasa pandemik.

Dalam hal ini, Lembaga Zakat Selangor telah mengambil kira beberapa pertimbangan yang wajar dengan membuat penangguhan, pengurangan kadar terhadap beberapa jenis bantuan zakat yang diagihkan sebelum pandemik dan digantikan kepada agihan bantuan zakat secara bersasar terutamanya untuk memenuhi keperluan yang paling asas bagi golongan asnaf ini meneruskan kelangsungan hidup mereka semasa krisis yang tidak diketahui akan berakhir bila.

Sebagai satu institusi kewangan yang bertanggungjawab di Selangor, pihak zakat dilihat terus memainkan peranan yang proaktif dan efisien dalam memastikan pengurusan kutipan dan agihan zakat semasa COVID-19 tetap berjalan seperti biasa.

### **PENGHARGAAN**

Setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (MOHE) dan Universiti

Teknologi Mara (UITM) di atas penajaan dana geran penyelidikan FRGS (600-IRMI/FRGS 5/3 (390/2019) bertajuk "Kajian Penentuan Asnaf Fakir Miskin Berasaskan Multidimensi di Institusi-Institusi Zakat di Malaysia".

### **RUJUKAN**

- Eikhwan Ali & Mahirah A Rashid. 2020. *Pandemik COVID-19 Mendepani Impak Psikososial*. Terengganu: Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS).
- Mahmood Zuhdi Haji Abdul Majid, Razali Md Jani, Muhsin Nor Paizin, Luqman Haji Abdullah & Muhammad Ikhlas Rosele. 2016. *Menelusuri Isu-isu Kontemporari Zakat*. Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat (PPZ).
- UNICEF & UNFPA. 2020. *Families on the Edge*. Putrajaya: United Nations Children's Fund, Malaysia and the United Nations Population Fund.
- Zulkifli. 2017. *Al-Fiqh Al-Manhaji: Ibadah dalam Fiqh Al-Syafi'i*. Bangi: Darul Syakir Enterprise.

### **Jurnal**

- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader. 2009. "Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat di Malaysia: Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati?". *Jurnal Syariah*, jil. 17 (1), 89-112.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad, Mohd Ali Mohd Nor & Maryam Abd Rashid. 2017. "Prestasi Kecekapan Pengurusan Kewangan dan Agihan Zakat: Perbandingan antara Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia". *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 51 (2), 33-46.
- Khairul Azhar Meerangani & Ummi Khasidah Zaham Azma. 2019. "Keberkesanan Program Pembangunan Ekonomi Asnaf oleh Lembaga Zakat Selangor". *e-Academia Journal*, volume 8(2), 14-24.
- Mohamad Sabri Haron & Riki Rahman. 2016. "Pengagihan Zakat dalam Konteks Kesejahteraan Masyarakat



Islam: Satu Tinjauan Berasaskan Maqasid al-Syari'ah". *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, Vol. 10, 129-140.

### Prosiding

- Dziauddin Sharif, Amal Hayati Ishak, Wan Noor Hazlina Wan Jusoh & Fadhilah Adibah Ismail. 2020. "Peranan Institusi Zakat Di Malaysia Dalam Membantu Golongan Terjejas Akibat Pandemik Covid-19". *E-Proceeding 4<sup>th</sup> International Virtual Conference on Zakat, Waqf, and Islamic Philanthropy (ZAWFI)*, 35.
- Mohd Faisol Ibrahim. 2020. "Pandemik Covid-19 Dan Implikasi Terhadap Institusi Zakat Di Malaysia Sebagai Institusi Kewangan Sosial Islam". *e-Prosiding Seminar Kewangan Islam Kebangsaan (e-SKIK 2020)*, 314-325.
- Zarina Kadri, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Noor. 2012. *Zakat Sebagai Pemangkin Pembangunan Ekonomi: Ke Arah Negara Berpendapatan Tinggi. PROSIDING PERKEM VII*, jilid 2, 1263-1273.

### Internet

- Fakhrurrazi Rashid. 2020. "COVID-19: Refleksi Ketidaksamarataan Pekerjaan dan Pendidikan Isi Rumah B40". *Astro Awani*, 9 April.
- Hamizul Abdul Hamid. 2020. "Peranan Zakat dalam Pandemik COVID-19". *Utusan Malaysia*, 11 Ogos.  
<https://www.utusan.com.my/gaya/2020/08/peranan-zakat-dalam-pandemik-covid-19/>
- Hasnah Hussiin. 2020. *Kesan Covid-19 Kepada Pelajar UMP: Satu Kajian Ringkas*. Pahang: Universiti Malaysia Pahang.  
<http://news.ump.edu.my/experts/kesan-covid-19-kepada-pelajar-ump-satu-kajian-ringkas>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2015. *Indeks Syariah Malaysia*. Putrajaya: JAKIM.  
[http://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/pengenalan\\_ism.pdf](http://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/pengenalan_ism.pdf)
- JAWHAR. 2020. *Statistik Kutipan Zakat Seluruh Malaysia*. Putrajaya:

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).  
[http://baitulmal.jawhar.gov.my/zkt\\_statistik\\_stat.php](http://baitulmal.jawhar.gov.my/zkt_statistik_stat.php)

- Lembaga Zakat Selangor. 2020. *Info Kutipan & Agihan Musim Covid-19*. Selangor: Lembaga Zakat Selangor.  
<https://drive.google.com/file/d/18sxTJL3Mw3meCv6RxRzJMLr6Glcw2Vci/view>
- MAIWP. 2020. *Bantuan Zakat Kecemasan COVID-19*. Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).  
<https://www.maiwp.gov.my/i/index.php/en/53perkhidmatan/baitulmal?start=8>
- Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali. 2020. "RM303 Bilion Sudah Hilang". *Harian Metro*, 29 Mac.  
<https://www.hmetro.com.my/utama/2020/03/559832/rm303-bilion-sudah-hilang>
- Nor Shamsiah Mohd Yunus. 2020. "Kadar Pengangguran Dijangka Lebih 4.0 Peratus Tahun ini". *Berita Harian*, 13 Mei.  
<https://www.bharian.com.my/bisnes/lainlain/2020/05/688356/kadarpenganggurandijangka-lebih-40-peratustahun-inibank-negara>
- Sarinah Mat Kasim. 2020. "MAINS Sediakan Peruntukan Khas COVID-19". *Sinar Harian*, 28 Mac.  
<https://www.sinarharian.com.my/article/76098/EDISI/Melaka-NS/MAINS-sediakan-peruntukkan-khas-Covid-19>
- Shukri. 2020. *Peranan Institusi Ekonomi Islam Terhadap Pemulihan Ekonomi Masyarakat Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.  
<https://azka.zakat.com.my/wp-content/uploads/2020/06/AZKA-LIVE-WEBINAR-HJ.-Ahmad-Shukri-Yusoff-Peranan-Institusi-EkonomiIslamTerhadapPemulihan-Ekonomi-Masyarakat-Islam-di-Malaysia.pdf>
- Wafdi Mohamed. 2020. "Paradigma Bantuan Khas Covid-19 Zakat Pulau Pinang". Pulau Pinang: Zakat Pulau Pinang.

[https://www.researchgate.net/publication/342612197\\_Paradigma\\_Bantuan\\_Khas\\_Covid-19\\_Zakat\\_Pulau\\_Pinang](https://www.researchgate.net/publication/342612197_Paradigma_Bantuan_Khas_Covid-19_Zakat_Pulau_Pinang)

Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail.  
2020. *Malaysia Perlu Bersedia Hadapi Kemiskinan Situasi*. Kelantan: INSPEK, Universiti Malaysia Kelantan.  
<http://ir.umk.edu.my/bitstream/123456789/939/1/Tinta%20Minda%20BERNAMA%20-%20Malaysia%20perlu%20bersedia%20hadapi%20kemiskinan%20situasi.pdf>.

### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Perdana: International Journal of Academic Research tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*